

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI INSTITIUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PRAI PADA 28^{HB} JULAI, 1975

Y.B. Datuk Lee San Choon, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Teh wakil Kerajaan Pulau Pinang, Dif-dif terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.B. Menteri yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan pembukaan Institut Latihan Perindustrian di Prai pada pagi ini.

Seperti kita maklum, Institut ini ialah yang kedua seumpamanya dan telah dibina khas untuk melatih para belia dengan tujuan mempesatkan kemajuan perindustrian di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia.

Kerajaan Pusat memang bersedia membantu semua Kerajaan-kerajaan Negeri supaya nikmat pembangunan dapat dirasai oleh semua penduduk di negara kita. Pembinaan Institut ini dengan bantuan Kerajaan Persekutuan Jerman adalah satu dari bukti usaha Kerajaan Pusat membantu Kerajaan Negeri dalam usaha pembangunan perindustrian dan dengan terdirinya Institut ini maka akan dapat membekalkan pekerja-pekerja yang terlatih bagi kawasan-kawasan Utara Semenanjung iaitu Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis. Di sini saya suka merakamkan terima kasih kepada Tan Sri Manickavasagam.¹

Saya suka juga merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Pulau Pinang kerana memperuntukkan tanah seluas tiga puluh ekar kepada Kerajaan Pusat bagi tapak Institut ini. Tambahan pula, Institut ini terletak di tempat paling sesuai di tengah-tengah kompleks perindustrian Prai dan saya tidak syak lagi akan dapat memberi perkhidmatan sepenuhnya kepada sektor awam dan swasta di seluruh Wilayah Utara.

Dalam usaha kita hendak menambah tenaga mahir, Kerajaan juga telah menubuhkan Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan atau National Industrial

¹ Menteri Perhubungan.

Training and Trade Certification Board. Lembaga ini mempunyai enam belas orang ahli kesemuanya dan mewakili Jabatan-jabatan Kerajaan yang ada hubungan dalam lapangan latihan; pertubuhan-pertubuhan majikan dan pekerja dan Lembaga ini adalah diberi kuasa menganjur dan membantu dalam mengadakan rancangan-rancangan latihan termasuk Latihan Sambil Bekerja, menetapkan standard kebangsaan bagi lapangan latihan dan menyediakan sukatan-sukatan pelajaran bagi latihan-latihan tersebut dan akhir sekali mengelola dan menjalankan satu rancangan kebangsaan mengenai ujian kemahiran, ketukangan serta mengeluarkan sijil-sijil kepada mereka yang berjaya.

Setakat ini telah dua puluh dua buah Jawatankuasa Ad Hoc yang mengandungi lebih daripada tiga ratus orang wakil dari pihak industri, telah mengadakan sebanyak seratus lapan puluh mesyuarat bagi menentukan standard dan lembaga ini telahpun meluluskan dua puluh ketukangan dalam bidang-bidang automotif, ketukangan kayu, letrik, jentera berat, percetakan dan pakaian. Standard untuk ketukangan tambahan akan diadakan apabila diperlukan kelak. Pada ketika ini umpamanya persediaan sedang dibuat untuk menyediakan empat jenis standard baru dan perkara ini sedang dikaji oleh Jawatankuasa berkenaan.

Sehingga sekarang, sejumlah seratus tiga puluh satu ujian telah diadakan di dua puluh dua buah pusat serantau iaitu dari Kangar di Utara ke Johor Baharu di Selatan dan termasuklah Kota Bharu dan Kuantan di Pantai Timur. Dan sejumlah 2,679 calon yang telah diuji dalam tiga belas jenis ketukangan dan Lembaga sedang merancang ujian-ujian yang akan diadakan di Sabah dan Sarawak.

Saudara-saudara sekalian,

Kerajaan telahpun menetapkan bahawa semua agensi-agensi latihan Kerajaan seperti Institut ini, Institut Kemahiran MARA, Sekolah-sekolah Vokesyenal di Kementerian Pelajaran dan juga Pusat di Dusun Tua mestilah mengambil ujian NITTCB ini. Dengan adanya Certificate NITTCB ini maka pihak swasta tidaklah akan merasa was-was kerana semua standard dan sukatan pelajaran adalah dirangka oleh pihak swasta sendiri dan semua pemeriksa (examiners) juga adalah terdiri dari sektor swasta.

Syukur kita ke hadrat Allah bahawa Certificate NITTCB ini telah mula diakui oleh semua terutama sektor swasta dan pada masa ini banyak pelatih-pelatih yang memegang Certificate NITTCB ini telahpun mendapat pekerjaan. Walaupun begitu saya ingin melihat banyak lagi pelatih-pelatih yang memegang Certificate NITTCB ini mendapat pekerjaan di sektor swasta. Selain daripada menubuhkan NITTCB Kerajaan juga telah membentuk satu Jawatankuasa Pegawai-pegawai di peringkat Kebangsaan untuk menyelaraskan latihan vokesyenal di negara ini. Ini dilakukan supaya latihan-latihan vokesyenal ini akan sejajar dengan kehendak dan keperluan matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

Latihan-latihan vokesyenal juga akan diberi nafas baru dalam Rancangan Malaysia Ketiga nanti dan satu pasukan yang terdiri dari Pegawai-pegawai Kerajaan, wakil-wakil pihak Majikan dan pihak Pekerja akan dihantar keluar negeri untuk mengkaji sistem latihan vokesyenal yang telah berjaya menampung keperluan negara-negara tersebut. Pasukan ini akan mengkaji sistem corak latihan yang diselenggarakan, bentuk pentadbiran dan kewangan dan juga peranan yang dimainkan oleh sektor swasta dalam latihan-latihan vokesyenal tersebut.

Seperti yang saudara-saudara sedia maklum, teknologi adalah sentiasa berubah, begitu juga sistem latihan. Maka negara kita sudah tentu tidak mahu ketinggalan dalam perkara ini. Oleh itu Kerajaan menghantar pasukan ini supaya bila kembali kelak akan dapat menasihati Kerajaan dalam semua aspek latihan vokesyenal. Di sini saya suka menyampaikan ucapan terima kasih Kerajaan kepada persatuan-persatuan Majikan dan MTUC kerana dapat bersama-sama menyertai pasukan ini.

Saya sungguh gembira melihat Institut ini telah mula mengeluarkan pelatih-pelatihnya semenjak dari tahun 1973 dan kebanyakan mereka telahpun mendapat pekerjaan. Saya suka menyeru kepada semua pihak dalam sektor swasta supaya mengambil lebih ramai lagi pelatih-pelatih dari Institut ini dan kilang-kilang yang belum lagi memperseimbangkan kedudukan tersebut. Kepada pelatih-pelatih pula, saya ingin berseru di sini supaya mereka belajar bersungguh-sungguh dengan tekun dan mestilah mengubah sikap mereka, iaitu janganlah menumpukan perhatian

hanya untuk mendapatkan pekerjaan di sektor awam sahaja. Sekiranya mereka bersikap begitu, maka sukarlah bagi Kerajaan hendak membanyakkan pekerja-pekerja Bumiputra dalam sektor swasta.

Saya suka melihat Institut ini terus berkembang dari semasa ke semasa bagi menampung segala keperluan. Oleh sebab sektor perindustrian akan terus berkembang maka ini memerlukan lebih banyak tenaga terlatih. Selain daripada mengeluarkan pekerja-pekerja terlatih, Institut ini juga hendaklah melatih lebih ramai lagi pengajar-pengajar (instructors) dari sektor awam dan swasta terutama bagi meninggikan lagi darjah kemahiran mereka. Pengajar-pengajar ini kelak akan dapat menyampaikan kemahiran mereka kepada pekerja-pekerja.

Saya telah difahamkan bahawa Institut ini juga telah melatih pengajar-pengajar dari negara tetangga dan saya harap latihan ini akan terus dikekalkan untuk faedah kita bersama. Kepada Kerajaan Persekutuan Jerman Barat pula, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih Kerajaan Pusat atas bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada Institut ini dalam bentuk tenaga pengajar, fellowship dan alat-alat kelengkapan yang lain. Saya harap bantuan-bantuan tersebut akan terus diberi dari semasa ke semasa.

Dengan ini saya dengan rasminya membuka Institut Latihan Perindustrian Prai ini.